

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK AMAR DOUGLAS UGGAH
EMBAS
(BETONG)**

**TARIKH : 27.03.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan bilakah perolehan kapal New Generation Patrol Craft (NGPC) dan Offshore Petrol Vessel (OPV) akan ditempatkan di Wilayah Maritim Sarawak. Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk membeli Landing Ship untuk Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kementerian tidak membuat perolehan baru untuk *New Generation Patrol Craft* (NGPC) dan *Offshore Patrol Vessel* (OPV).

Penugasan kapal TLDM secara berterusan (24/7) di Wilayah Maritim Sarawak terutama di perairan Beting Patinggi Ali (BPA) giat dilaksanakan melalui penugasan kapal-kapal dari Pangkalan TLDM Kota Kinabalu (PTKK).

Buat masa ini Kementerian tiada perancangan untuk membuat perolehan *Landing Ship* khusus untuk negeri Sarawak. Perolehan aset pertahanan dibuat berdasarkan kepada kepentingan strategik pertahanan secara menyeluruh.

SOALAN (30)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27 MAC 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]

SOALAN :

YB Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta PERDANA MENTERI menyatakan

- a) statistik harta tanah dimiliki warga asing atau syarikat asing mengikut negeri dan negara asal mereka.
- b) Cadangan Kerajaan menggalakkan atau sebaliknya pemerolehan harta tanah Malaysia oleh pihak asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan perumahan oleh warga asing dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Negeri menerusi dasar perumahan negeri yang telah dipersetujukan di peringkat negeri. Namun demikian, perolehan harta tanah oleh kepentingan asing dalam kategori harta tanah kos rendah dan sederhana rendah adalah tidak dibenarkan kerana harta tanah tersebut disediakan dan dibangunkan khusus untuk rakyat tempatan terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Contohnya di Negeri Selangor, Garis Panduan Perolehan Hartanah Oleh Warganegara Asing/ Penduduk Tetap/ Syarikat Asing Di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) digunakan untuk mengawalselia urusan ini.

Bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara dilindungi, Kerajaan juga mengeluarkan Garis Panduan Perolehan Hartanah yang turut digunakan sebagai panduan oleh Kerajaan Negeri. Adalah menjadi tanggungjawab setiap Kerajaan Negeri untuk memastikan dasar-dasar berkaitan pemilikan perumahan oleh warga asing ini dipatuhi.

Sekian, terima kasih

27 Mac 2017